



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN MAIM MA'NIAH
AL-A'MAL KEPADA AHLI PERSATUAN PENAJAJA, PENIAGA
PENGUSAHA KECIL MELAYU NEGERI MELAKA (PPPPKMNM)
TARIKH: 24 OKTOBER 2021 (AHAD), MASA: 10.00 PAGI
DI VILLA D' AQUA RESORT MASJID TANAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li

Sayyidina Muhammad.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berbahagia Datuk Hajah Zaleha binti Bujang,
Yang di-Pertua Persatuan Penjaja Peniaga dan Pengusaha
Kecil Melayu Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk Haron bin Abdullah,
Timbalan Yang di-Pertua Persatuan Penjaja Peniaga dan
Pengusaha Kecil Melayu Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin;
Ahli-ahli Jawatankuasa serta Penerima-penerima
Sumbangan Bantuan Maim Ma'niah Al-Amal;

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penyampaian

Sumbangan Maim Ma'niah Al-A'mal kepada Ahli Persatuan Penajaja, Peniaga Pengusaha Kecil Melayu Negeri Melaka (PPPPKMNM).

2. Pertama-tamanya, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan majlis ini pada pagi ini. Syabas dan tahniah jugak diucapkan kepada pihak penganjur serta semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana berjaya mengelola majlis ini dengan begitu baik.

Tuan-tuan dan Puan yang dihormati sekalian,

3. Saya difahamkan, sebentar lagi seramai **296** orang ahli persatuan bakal menerima sumbangan MAIM Ma'niah Al-Amal yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ratus Tiga Ribu Enam Ratus (RM103,600.00)**.

4. Objektif utama sumbangan ini disampaikan adalah untuk membantu serta meringankan beban masyarakat penjaja dan peniaga pengusaha kecil yang kebanyakannya terjejas akibat wabak pandemik

COVID-19 sepanjang negara terikat dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan.

5. Di samping itu, Kerajaan Negeri Melaka juga sangat komited dan prihatin tentang nasib serta kebajikan semua masyarakat penjaja Negeri Melaka. Buktinya, pertama; semasa ucapan **Persidangan Belanjawan 2021 Negeri Melaka** yang lepas, saya telah memberikan bantuan kepada **331** orang peniaga kecil dan penjaja dengan peruntukan bantuan sebanyak **Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu (RM99,000.00)**.

6. Kedua, dalam Persidangan Belanjawan 2021 juga, saya telah memberikan **pengecualian sewa tapak penjaja dan peniaga kecil sejumlah RM2.34 juta kepada 2,878 orang bagi tempoh Mac hingga April 2020**. Selain itu, saya juga telah memberikan **pengecualian bayaran lesen kepada 8,483** orang penjaja dan peniaga kecil bernilai **RM940,000**. Seterusnya, pengumuman terbesar yang juga saya telah umumkan di dalam persidangan tersebut ialah 'Melaka Bebas Berniaga' selama setahun.

7. Sebenarnya, banyak lagi bantuan kepada semua usahawan Negeri Melaka yang telah saya umumkan di

bawah teras kedua: **ENTREPRENEURSHIP** bagi membangun dan menyokong ekonomi rakyat tempatan.

Tuan-tuan dan Puan yang dihormati sekalian,

8. Dalam pada itu, pada **18 Jun 2021** pula, saya telah mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama** bagi menjaga kebajikan rakyat Melaka ketika berdepan cabaran pandemik COVID-19. Di dalam pakej tersebut, saya telah mengumumkan 60 inisiatif dan pakej bantuan yang berteraskan People Economy dan Capital Economy

melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM174.53 juta.

9. Bagi membantu golongan peniaga, terutama para peniaga kecil untuk mencari rezeki, Kerajaan Negeri Melaka telah mengumumkan Dana Bantuan Kasih Niaga sebanyak RM1,000.00 kepada 1,000 orang usahawan Negeri Melaka dengan melibatkan peruntukan RM1 juta. Bukan setakat itu sahaja, di dalam pakej rangsangan ini juga, saya relah memberi pengecualian bayaran denda lewat lesen perniagaan dan pembaharuan lesen perniagaan, pengurangan 50 peratus caj lesen penjaja dan peniaga kecil, pengecualian denda lewat sewaan premis, gerai dan

ruang niaga milik PBt dan banyak lagi bantuan khas buat usahawan, penjaja dan peniaga kecil negeri Melaka yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu.

10. Semua bantuan ini bertujuan untuk merencanakan aktiviti ekonomi negeri, supaya rakyat dapat menjana serta menambah pendapatan selain mengurangkan tekanan akibat kegiatan ekonomi perniagaan yang terjejas sepanjang PKP dilaksanakan.

Tuan-tuan dan Puan yang dihormati sekalian,

11. Besar harapan saya semoga bantuan-bantuan ini setidak-tidaknya, sedikit sebanyak membantu para peniaga dalam pengurusan kewangan masing-masing dan mampu memberi kelegaan, meringankan beban serta bermanfaat kepada kelangsungan hidup tuan-tuan dan puan-puan sekali gus meningkatkan produktiviti perolehan supaya mampu menyumbang hasil melalui cukai kepada Kerajaan Negeri Melaka.

12. Akhir kata, dengan lafaz suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Maim Ma'niah Al-A'mal kepada

Ahli Persatuan Penajaja, Peniaga Pengusaha Kecil Melayu
Negeri Melaka (PPPPKMNM).

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-